

Janji agih semula kekayaan negara

Anwar minta berikan lagi masa, tekad hapus budaya 'sakau - menyakau'

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Bukit Mertajam: Datuk Seri Anwar Ibrahim berjanji, akan berusaha mengagihkan semula kekayaan negara kepada rakyat, dengan menghapuskan budaya 'sakau-menyakau' melalui tata kelola yang baik dalam pentadbiran kerajaan yang diterajuinya.

Perdana Menteri berkata, rakyat diminta memberi tempoh beberapa tahun kepada dirinya untuk membuktikan apa yang dijanjikan, walaupun usaha itu sebenarnya bukan mudah.

Beliau berkata, amalan rasuah dalam negara pada ketika ini sudah menjalar pada semua peringkat

pentadbiran kerajaan.

"Oleh itu, kerajaan perlu memperbetulkan perkara ini (rasuah) yang mana amalan itu bukan hanya membabitkan individu tertentu sebaliknya disifatkan sebagai satu sistem.

"Saya buka fail (kerajaan) dalam beberapa keputusan setahun dua ini dan ia penuh dengan kecurangan serta nafsu serakah pemimpin.

"Justeru, kali ini saya tidak peduli sama ada dia orang Cina atau Melayu atau daripada parti mana sekalipun.

"Sekiranya ada kes, Peguam Negara ambil tindakan pendakwaan supaya menjadi pengajaran," katanya.

Beliau berucap pada majlis Amanat Perdana Menteri Bersama Penjawat Awam Pulau Pinang di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Permatang Pauh, petang kelmarin.

Pada majlis itu, Anwar berjanji akan memberi tumpuan untuk menaikkan gaji penjawat awam

pada peringkat bawah yang ketika ini gaji yang diterima tidak setimpal dengan pembangunan dan kos sara hidup.

"Kita kini mengharapkan pertumbuhan ekonomi rancak dan hasil cukai bertambah yang (mana) jika trend ini berlaku satu ke dua tahun, ketika itu gaji penjawat awam akan dinaikkan," katanya.

Sementara itu, Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH), menegaskan Kerajaan Pusat dan Pulau Pinang perlu bekerja dalam satu pasukan untuk menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) dalam memastikan kestabilan politik terus terjamin.

"Hal ini perlu dipertahankan (kerjasama antara Pusat dan Negeri).

"Saya minta rakyat faham keperluan kita mempertahankan kerajaan negeri Pulau Pinang.

"Ini kerana, kita mahu pastikan kerajaan negeri ini kuat supaya dapat membantu kita memperkuatkan lagi Kerajaan Perpaduan pada peringkat Kerajaan Pusat," katanya.